

Syarikat Malaysia peroleh projek berbilion ringgit

Um- 1/3/2007.

Daripada MOHD. KAMIL YUSUFF

SANA'A 28 Feb. - Syarikat-syarikat Malaysia berjaya memperoleh kontrak bernilai berbilion ringgit untuk pelbagai projek pembangunan di negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) khususnya di Timur Tengah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tahun lepas, salah sebuah syarikat infrastruktur terbesar Malaysia memperoleh kontrak bernilai kira-kira RM609.4 juta (AS\$174 juta) bagi membina jambatan di Bahrain.

Katanya, syarikat Malaysia juga mendapat projek membina lapangan terbang dan lebuh raya di Qatar yang bernilai kira-kira RM2.6 bilion (AS\$734 juta).

Selain itu, katanya, di negara-negara lain seperti Arab Saudi, Libya, Turki dan Pakistan, banyak syarikat Malaysia kini memperoleh kontrak beratus-ratus juta dolar untuk pembinaan pelbagai infrastruktur di negara-negara tersebut.

"Kejayaan-kejayaan tersebut menunjukkan daya saing dan keutuhan syarikat-syarikat Malaysia di bidang pembinaan dan khidmat profesional yang berkaitan dengannya," kata beliau semasa berucap di hadapan tokoh-tokoh perdagangan Yemen dan Malaysia pada seminar Peluang-Peluang Perdagangan di Malaysia dan Yemen, di sini hari ini.

Perdana Menteri yang tiba di sini semalam adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini. Pada sebelah pagi, beliau mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya, Abdul Kader Bajammal di pejabat Perdana Menteri sebelum berdialog dengan ahli-ahli Majlis Syura, Ulama dan Cendekiawan Yemen.

Pada petang, selepas mengadakan perbincangan dengan Presiden Yemen, Ali Abdullah Salleh di Istana Presiden, beliau turut menemui pelajar-pelajar Malaysia di sini, sebelum melawat Bab Al Yemen iaitu bandar lama Sana'a.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara OIC tahun lepas meningkat 22.0 peratus iaitu mencapai kira-kira RM79.5 bilion (AS\$22.7 bilion) berbanding 2005.

"Tahun lepas, jumlah eksport Malaysia ke negara-negara OIC ialah kira-kira RM41.3 bilion (AS\$11.8 bilion) iaitu peningkatan 17 peratus berbanding kira-kira RM35.3 bilion (AS\$10.1 bilion) pada 2005," ujarnya.

Beliau memberitahu, tahun lepas juga nilai import Malaysia dari negara-negara OIC meningkat 30 peratus kepada kira-kira RM38.1 bilion (AS\$10.9 bilion) berbanding kira-kira RM29.4 bilion (AS\$8.4 bilion) pada 2005 dengan bahan-bahan import utama ialah minyak mentah, hasil petroleum, bahan-bahan kimia, logam ser-

Syarikat Malaysia juga mendapat projek membina lapangan terbang dan lebuh raya di Qatar yang bernilai kira-kira RM2.6 bilion (AS\$734 juta)

ABDULLAH AHMAD BADAWI Perdana Menteri

ta barang-barang elektrik dan elektronik.

Dalam ucapannya juga, Abdullah menarik perhatian bahawa Malaysia komited ke arah mewujudkan Komuniti Ekonomi ASEAN pada 2015 dan yakin liberalisasi perdagangan serta pelaburan antara negara-negara anggota akan menjadikan rantau ASEAN tapak pelaburan yang lebih menarik selain memperkukuhkan lagi perdagangan antara ASEAN.

"Sejak pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN pada 1993, perdagangan antara ASEAN meningkat dari kira-kira RM288.2 bilion (AS\$82.3 bilion) pada 1993 kepada kira-kira RM1,073 bilion (AS\$306.4) bilion pada 2005," katanya.

Sebagai Pengerusi OIC, katanya, beliau mahu melihat kejayaan ASEAN itu diterapkan ke dalam pertubuhan tersebut. Sehubungan itu beliau menggalakkan Yemen untuk menandatangani Rangka Perjanjian Sistem Keutamaan Perdagangan antara Negara-Negara OIC (TPS-OIC) dan Protokol Skim Tarif Keutamaan (Pretas).

Minimum

Dalam pada itu, Perdana Menteri menggesa masyarakat perdagangan Malaysia dan Yemen supaya meningkatkan kadar pelaburan antara kedua-dua negara memandangkan ia terlalu kecil iaitu 0.1 peratus daripada keseluruhan dagangan Malaysia.

Menurutnya, pada masa ini, aliran perdagangan dua hala antara kedua-dua negara sangat minimum dan Malaysia sedia berkongsi pengalaman serta pengetahuan dengan masyarakat perdagangan Yemen mengenai perdagangan dan pelaburan antarabangsa dalam usaha meningkatkan kadar pelaburan tersebut.

Beliau berkata, perdagangan keseluruhan antara Malaysia dan Yemen pada tahun lepas ialah kira-kira RM1 bilion (AS\$312 juta) dengan nilai eksport kira-kira RM911.4 juta (AS\$260.2 juta) dan import kira-kira RM181.4 juta (AS\$51.8 juta).

Pada masa ini, katanya, Yemen merupakan pasaran eksport Malaysia yang kelima terbesar di Asia Barat dengan eksport utama besi dan hasil keluli, minyak sawit, hasil kayu dan makanan yang diproses. Import dari Yemen pula ialah minyak



ABDULLAH Ahmad Badawi disambut oleh Abdul Kader Bajammal semasa ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Sana'a, kelmari untuk lawatan rasmi tiga hari ke Yemen. - Bernama

mentah, makanan laut dan hasil logam.

Beliau memberitahu, syarikat-syarikat Yemen di Malaysia melabur di sektor seperti peralatan audio, perdagangan komoditi dan gudang kontena. Syarikat-syarikat Malaysia pula kebanyakannya melabur di bidang perlombongan dan sektor kuari di Yemen.

"Sebagai pemain aktif di bidang pelaburan dan perdagangan antarabangsa, Malaysia bukan sahaja memberi tumpuan memperkukuhkan persekitaran pelaburan di dalam negara, tetapi juga meningkatkan hubungan dagang dan pelaburan dua hala, serantau dan pelbagai hala," ujarnya.

Abdullah berkata, Malaysia dan Yemen berkongsi sejarah perdagangan antarabangsa kerana kedua-dua negara terletak di laluan perdagangan pedagang-pedagang Muslim.

Menurutnya, Malaysia kini di tangga ke-19 dari segi ekonomi paling global di dunia dengan perdagangan keseluruhan

lebih dua kali ganda Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sehubungan itu, katanya, kerajaan perlu mengekalkan persekitaran yang kondusif dan mesra perdagangan.

Bagi tujuan itu, katanya, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Pelan Induk Industri Ketiga menyediakan rangka strategi dan program ke arah merealisasikan objektif negara dari segi ekonomi dan sosial.

Sementara itu, Abdullah memberitahu, syarikat perkhidmatan kewangan Malaysia mendapat pengiktirafan sebagai pakar global dalam perbankan Islam, insurans dan perkhidmatan kewangan lain.

Katanya, dengan kepakaran yang ada itu, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk menjadi pusat penting bagi perdagangan pasaran modal Islam. Malaysia juga katanya kini bersedia sebagai pintu masuk pelaburan ke rantau Asia Barat.

- Utusan